

KELEWATAN PENGHANTARAN BAHAN DAN JENTERA BINAAN KE TAPAK BINA

NURAYUNI BINTI MAZLAN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

ABSTRAK

Kelewatan penghantaran bahan dan jentera binaan merupakan masalah yang sering kali berlaku apabila sesebuah projek pembinaan dilaksanakan. Masalah ini berkait rapat dengan sistem pengurusan bahan dan jentera binaan itu ke tapak bina. Kajian penyelidikan ini dijalankan adalah bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kelewatan penghantaran bahan dan jentera binaan ke tapak bina dan mencadangkan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan dalam mengatasi masalah kelewatan bahan dan jentera binaan ke tapak bina agar tidak terus berlaku. Responden yang terlibat di dalam kajian ini terdiri daripada kontraktor kelas A yang telah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) serta G7 yang telah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta pihak pembekal bahan dan jentera binaan di sekitar kawasan Johor Bahru. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik ini merangkumi soalan berbentuk skala Likert yang akan dianalisis dan direkodkan dengan menggunakan kaedah min skor serta peratusan. Hasil analisis telah menunjukkan bahawa faktor sumber kewangan adalah faktor utama yang mempengaruhi kelewatan penghantaran bahan dan jentera binaan ke tapak bina. Selain itu, responden turut bersetuju bahawa langkah penjadualan pengurusan kerja yang lebih efektif dapat mengatasi masalah kelewatan ini daripada terus berlaku.

ABSTRACT

The delayed of the delivery on materials and plants to the site was not a current problem anymore in any construction site. This problem was always connected with the management of the materials and plant to the site. This research were conducted to identify the factors that influenced the delayed of the materials and plants delivery and also to identify the steps that can be taken to avoid this problems or factors from arising. The respondent that involved in this research consists of the contractor from the class A that has been registered with the Pusat Khidmat Kontraktor and class G7 from the Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) and also the supplier of materials and plants from the surrounding area of Johor Bahru. The methodology that has been used throughout this research was by using the questionnaire. The questionnaire includes the type of question such as Likert-scale that will be analyzed and recorded by using the min score and percentage method. The outcome from this analysis shows that the factor of financial is the main factor that effects the delayed on the materials and plants delivery. Other than that, the respondents also agreed that making the effective management schedule was the best ways on preventing this problem from happened again.